

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1985**

**PERWAKILAN KUASA KEPADA Y.A.B MENTERI BESAR SELANGOR
BAGI MELULUSKAN PEMBERIMILIKAN TANAH DI BAWAH
SEKSYEN 42(1)(A) KANUN TANAH NEGARA BAGI TANAH-
TANAH YANG TERLIBAT DENGAN PENGAMBILAN TANAH**

Tujuan pekeling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil. 24/85 pada 21hb Mei 1985 yang telah meluluskan cadangan perwakilan kuasa pihak berkuasa Negeri kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar bagi meluluskan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 42(1) (a) Kanun Tanah Negara bagi tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan tanah.

2. Perwakilan kuasa ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah kelewatan pemberimilikan kepada Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat Kerajaan. Sungguhpun urusan pengambilan tanah di pejabat-pejabat tanah selama ini berjalan dengan baik, akan tetapi adalah didapati urusan pemberimilikan tanah selepas selesainya urusan pengambilan tanah telah memakan masa yang lama. Kelewatan pemberimilikan ini telah menimbulkan beberapa masalah terutamanya bagi kerja-kerja ukur dan juga menjejaskan kutipan hasil.

3. Semasa mengemukakan permohonan pengambilan balik tanah, pentadbir-pentadbir Tanah Daerah hendaklah juga mengemukakan bersama perakuan bagi pemberimilikan tanah serta syarat-syarat kelulusan dan bayaran-bayaran berkaitan seperti yang telah ditetapkan.

4. Semua Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki mematuhi keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti yang disebutkan di atas.

T.T
(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

TARIKH 20/07/1985

SK. EDARAN DALAMAN
UNIT KHAS BERGERAK
Pejabat Tanah dan Galian Selangor